

**Aku Menjadikan**  
**& Segala Sesuatu**  
**Baru &**



**WAHYU 21:5**



# Kandungan

## Rancangan Keselamatan Tuhan

Hari 1 : Kita Telah Ditebuskan	01
Hari 2 : Kita Didamaikan	01
Hari 3 : Kita Dipembaharui	02
Hari 4 : Kita Dibebaskan	02
Hari 5 : Kita Dibaharui	03
Hari 6 : Kita Diupahkan	03
Hari 7 : Kita Dibangkitkan	04

## Pencobaan Iman

Hari 8 : Iman Yang Sejati Bersukacita Dalam Berbagai-bagai Pencobaan	05
Hari 9 : Iman Sejati Menanggapi Firman Allah	05
Hari 10 : Iman Sejati Menghindari Partialitas/ke tidak keadilan	06
Hari 11 : Iman Sejati Menghasilkan Karya Rahmat	06
Hari 12 : Iman Sejati Mengucapkan Kebenaran Dalam Kasih	07
Hari 13 : Iman Sejati Tunduk Pada Tuhan	08
Hari 14 : Iman Sejati Berdoa Kepada Tuhan	08

## Transformasi Negara

Hari 15 : Panggilan Utama Kita Adalah Berdoa Untuk Semua Manusia	09
Hari 16 : Sebuah Bangsa Ditransformasikan Melalui Doa	09
Hari 17 : Tuhan Telah Meletakkan Umat-Nya Di Tempat Yang Tinggi	10
Hari 18 : Transformasi Bermula Dari Dalaman	10
Hari 19 : Doa Syafaat Zaman Akhir	11
Hari 20 : Pelayan Doa Syafaat, Di Mana Syurga Dan Bumi Menjadi Satu	11
Hari 21 : Doa Kita Membawa Rencana Tuhan untuk Bangsa-Bangsa	12

# Cara Untuk Berpuasa

Sila beri perhatian berikut semasa berdoa supaya mencapai suatu doa keharmonian dan persekutuan.

- Baca bahan renungan harian dan renungkan Firman Tuhan.
- Luangkan masa untuk mencari Tuhan. Diamkan hatimu untuk mendengar suara-Nya. Berdoa mengikut Firman-Nya dan doakan perkara yang telah disenaraikan.
- Amalkan sikap doa selalu semasa berada di rumah, di sekolah ataupun di tempat kerja. Berdoa selalu dalam bahasa lida.
- Kurangkan aktiviti harian. Jauhilah senaman cergas.
- Selain berpuasa makanan, harus juga jauhi dari aktiviti yang dapat mengganggu perhatian anda (televisyen, permainan komputer, dll.)



## PUASA PENUH

Berpuasa selama 24 jam dan minum air saja. Jika anda ingin melanjutkan puasa lebih 21 hari, sila dapatkan nasihat dari doktor sebelum anda memulakannya.



## PUASA SATU HIDANGAN

Berpuasa satu hidangan dalam sehari. Hanya makan tengah hari atau makan malam saja. Berpuasa sehingga hidangan yang seterusnya.



## PUASA SEPARUH

Berpuasa untuk jangka waktu panjang dalam sehari dan minum air saja. Puasa sebegini hanya selama 12 jam saja, iaitu 7 pagi hingga 7 petang. Buka puasa dengan makanan ringan / serdehana.



## PUASA DANIEL

Elakkan makanan daging, dan juga hidangan makananan istimewa. Hanya makan hidangan sayuran saja. Anda juga boleh makan atau minum minuman buah-buahan. Makan secara serdehana. Anda boleh berpuasa sebegini dengan selamat sebagai rutin selama 10 hari.



## Kita Telah Ditebuskan

(Titus 2: 14)

Hanya Tuhan yang tahu apa akan terjadi kepada kita jika Yesus tidak hadir di hidup kita. Yesus telah membayar upah dosa untuk membebaskan kita. Hari ini, kita telah dibebaskan daripada kuasa dosa dan Dia telah memberi kita makna yang baru bagi hidup kita. Kita adalah umat-Nya yang istimewa dan Dia telah meletakkan ke dalam kita, satu semangat untuk melaksanakan kerja-Nya.

### Perkara Untuk Doa:

1. Bersyukur kepada Tuhan atas kebebasan yang diberi-Nya.
2. Berdoa supaya Injil-Nya akan terus bergema.
3. Berdoa bagi mereka yang sesat supaya diselamatkan dan dibebaskan.



## Kita Didamaikan

(2 Korintus 5: 18)

Perhubungan kita dengan Tuhan telah berubah dari permusuhan kepada persahabatan. Dia menerima kita kerana kerja keselamatan Yesus Krisrus. Dan kerana kita telah mengalami perdamaian, kita harus menolong mereka yang masih sesat dan lemas dalam dunia materialistik ini.

### Perkara Untuk Doa:

1. Bersyukur kepada Tuhan atas pendamaian-Nya.
2. Mintalah Tuhan untuk kekuatan-Nya dan kesetiaan dalam pendamaian-Nya.
3. Doalah supaya mereka yang sesat akan mendapat makna yang baru bagi kehidupan mereka sambil mereka mengenal Yesus.



## Kita Dipembaharui

(Titus 3: 5)

Roh Kudus memulakan dan membawa perubahan kepada hidup kita, dengan itu menyebabkan perubahan dalam sikap kita terhadap Tuhan dan ciptaan-Nya. Semua ini berlaku kerana Yesus, dalam rahmat-Nya, telah memberi kehidupan-Nya sebagai pertukaran untuk kita.

### Perkara Untuk Doa:

1. Bersyukur kepada Tuhan bagi kerja pembaharuan-Nya.
2. Doa untuk penyerahan berterusan kepada Roh Kudus.
3. Doa untuk diurapi kuasa-Nya untuk melaksanakan perbuatan yang baik.



## Kita Dibebaskan

(Ibrani 2: 14 - 15)

Ketakutan, apabila ia datang, bagaikan beban yang berat yang menekankan kita dari semua penjuru, dan menyebabkan kita azab / siksaan dan tiada harapan. Namun, kita tidak perlu terus takut kerana Yesus telah melepaskan kita dari ketakutan itu.

### Perkara Untuk Doa:

1. Bersyukur kepada Tuhan kerana membebaskan kita dari ketakutan.
2. Sentiasa mengaku dan menuntut kebebasan dari ketakutan dan keraguan.
3. Berdoa untuk keberanian untuk membantu mereka yang terikat dengan ketakutan yang berterusan.



## Kita Dibaharui

(2 Korintus 4: 16)

Kita semua ada memori / pengalaman yang baik dan buruk. Bagi sesetengah orang, memori / pengalaman yang buruk selalu menghantui mereka setiap hari dan mereka tiada mengalami perasaan sukacita dan damai. Ada yang tidak dapat bersemuka dengan realiti sepenuhnya. Walau bagaimana pun, kita harus faham kita tidak boleh hentikan proses ini tetapi perkara yang indah adalah bahawa Tuhan memperbaharui dalam kita setiap hari. Apabila kita menumpukan perhatian pada pekerjaan Tuhan dalam kehidupan kita, kita melihat keindahan yang lebih besar di dalam diri kita.

### Perkara Untuk Doa:

1. Bersyukur kepada Tuhan kerana kita dipembaharui.
2. Berdoa supaya Tuhan akan menolong kita focus pada pertumbuhan dalaman.
3. Biarlah karakter dan sikap memancarkan pembaharuan batin kita.



## Kita Diupahkan

(Kol 3: 24)

Adanya upahan, yang kekal, yang diberi sebagai warisan bagi mereka yang melayani Yesus Kristus selagi mereka ada di dunia ini. Oleh itu, janganlah kita tertumpu pada kekayaan duniawi, kerana ia akan pudar, tetapi biarlah kita berusaha mencapai upahan yang besar itu.

### Perkara Untuk Doa:

1. Bersyukur kepada Tuhan kerana upahan-Nya.
2. Dapatkan kekuatan Allah untuk memastikan sepenuhnya ganjaran itu.
3. Kekalkan kesetiaan hingga akhir perlumbaan kehidupan kita.



## Kita Dibangkitkan

(Fil 3: 10)

Iman kita didirikan dan dimulai dengan kebangkitan Yesus. Kuasa yang membangkitkan Yesus dari maut adalah kuasa yang sama dan masih wujud bagi mereka yang percaya. Untuk mengalami kuasa kebangkitan-Nya, perlulah kita mengalami penderitaan dan kematian-Nya. Kita tidak bisa memilikinya hanya yang satu dan menolak yang satu lagi.

### Perkara Untuk Doa:

1. Bersyukur kepada Tuhan atas kebangkitan Yesus.
2. Berdoalah agar kita mengalami kuasa kebangkitan Roh Kudus.
3. Berdoalah agar kita akan mengkhotbahkan / menyampaikan mesej tentang kebangkitan Yesus tanpa kompromi.



## Iman Yang Sejati Bersukacita Dalam Berbagai-bagai Pencobaan

(Yak. 1:2-18)

Tuhan adalah sumber kegembiraan, kebijaksanaan dan berkat kita. Apabila kita menghadapi pencobaan, kita harus fokus pada Tuhan yang memberi kita sukacita untuk bertekun dan hikmat untuk mengetahui mengapa Dia biarkan/izinkan kita melewatinya. Kita akan diberkati setelah menjadi hamba yang teguh dan matang mengetahui bahwa Tuhan akan menepati janjinya.

### Perkara Untuk Doa:

1. Berdoalah untuk hikmat dan wahyu untuk mengenal Tuhan lebih dalam lagi.
2. Pintalah Tuhan untuk meningkatkan keintiman-Nya dengan engkau melalui penyembahan, Firman-Nya dan persekutuan dengan orang lain.
3. Pintalah Tuhan untuk memberi Anda keinginan dan keberanian ilahi untuk makmur.



## Iman Sejati Menanggapi Firman Allah

(Yak. 1:19-27)

Ketika Firman Tuhan menginsafkan kita, kita boleh bereaksi dengan menutup telinga kita, merasa gelisah dan menganggap diri sebagai orang benar, sehingga membuat Firman Tuhan tidak efektif di dalam kita. Atau pun, kita boleh dengan rendah hati dan bersungguh-sungguh menyambut dan mematuhi kata-kata yang ditanamkan sampai fikiran kita diperbaharui dan keranya diberkati dengan gaya hidup progresif.

### Perkara Untuk Doa:

1. Pintalah Tuhan untuk membantu kita berdisiplin untuk membaca, belajar, merenung dan hapal FirmanNya.
2. Pintalah Tuhan untuk membantu kita mengasihi dan mematuhi Firman-Nya.
3. Pintalah Tuhan membebaskan kita dari ketakutan untuk mengucapkan Firman-Nya kepada keluarga, teman dan bangsa kita.



## Iman Sejati Menghindari Partialitas/ke tidak keadilan

(Yak. 2:1-13)

Ketika kita melihat bahwa setiap jiwa diciptakan menurut gambar Tuhan dan berharga di hadapan-Nya, tiada yang menghalangi kita untuk menjangkau mereka. Tuhan memiliki kekuatan untuk mengisi kita dengan cinta ilahi-Nya bagi satu sama lain sehingga kita, bahkan bias, mencintai musuh kita.

### Perkara Untuk Doa:

1. Berdoalah agar adanya kasih dan kesatuan antara para anggota gereja.
2. Berdoalah agar para anggota gereja merangkul visi gereja dan berdiri dengan pemimpin-pemimpin dalam doa dan dalam pemberian.
3. Berdoalah agar para anggota gereja memiliki keberanian untuk berbuah dalam kerja menjangkau jiwa-jiwa dan membantu mereka yang lemah.



## Iman Sejati Menghasilkan Karya Rahmat

(Yak. 2:14-26)

Iman sejati tidak terbungkalai/berhenti atau tidak terlihat, namun sebenarnya bersifat aktif dan praktikal. Seseorang yang mempunyai iman yang bersemangat dan aktif akan menyebabkan perubahan positif dalam keadaan di sekelilingnya dan juga akan mempengaruhi kehidupan orang-orang yang dihubungnya.

### Perkara Untuk Doa:

1. Berdoalah bagi tubuh Kristus, agar berhati hamba untuk melayani mereka yang patah hati, yang berkeperluan dan miskin.
2. Berdoalah agar Roh Kudus akan mematahkan benting dan menyembuhkan hati yang hancur.



## Iman Sejati Mengucapkan Kebenaran Dalam Kasih

(Yak. 3)

Kata-kata yang diucapkan adalah produk dari pemikiran kita. Apa yang mengendalikan pikiran kita mengendalikan tindakan dan arah hidup kita. Kita bersyukur kepada Tuhan bahwa Dia mengetahui kekuatan mulut kita, maka Tuhan yang memenuhi kita dengan Roh Kudus dan bahasa roh untuk berdoa dalam kuasa dan kehendak-Nya. Kita seharusnya tidak berhenti tapi terus berdoa, memuji dan menyembah dengan Roh Kudus sehingga berjalan sesuai kehendak Tuhan.

### Perkara Untuk Doa:

1. Doalah agar kaum muda didamaikan dengan orang tua mereka dan bantulah mereka untuk mengatasi perasaan ketidakmaafan/tidak bisa mengampuni
2. Doalah agar Tuhan akan melindungi pikiran mereka, menjaga hati mereka dan menjauhkan mereka dari perangkap duniawi.
3. Doalah agar Tuhan akan memberi mentor kepada pemuda-pemudi agar mereka mengatasi daging, dunia dan iblis.



## Iman Sejati Tunduk Pada Tuhan

(Yak. 4)

Autoritas didelegasikan kepada kita daripada Tuhan apabila, pertama, kita rela mati pada kehendak daging yang mencoba menghalangi jalan kita bersama-Nya. Kedua, ketika kita bersedia untuk menyerahkan diri dan meninggikan Tuhan kita atas segala berhala dunia yang merampas fokus kita daripada-Nya. Akhirnya, kita harus senantiasa berjalan dalam kerendahan hati agar kasih karunia-Nya akan selalu mencukupi bagi kita sambil Dia terus-menerus menghapuskan kelemahan kita dan memberi kita kuasa dan autoritas untuk melayani-Nya secara efektif.

### Perkara Untuk Doa:

1. Berdoalah untuk suara kerasulan dan kenabian dibangkitkan untuk menghadapi musuh.
2. Pintalah Tuhan untuk mempertajam karunia rohani kita dan membuat kita menjadi pembawa kuasa untuk penginjilan.
3. Doalah agar Tuhan akan ajari kita menjadi pejuang doa yang efektif menggunakan Firman Tuhan dan dipimpin oleh kuasa Roh Kudus.



## Iman Sejati Berdoa Kepada Tuhan

(Yak. 5:13-20)

Orang yang benar adalah orang yang bergantung kepada Tuhan dan berjalan dengan Dia dalam segala situasi, itulah sebabnya mengapa doanya berkuasa dan efektif. Saat bermasalah, dia berdoa. Saat bahagia dia memuji Tuhan! Bila ada penyakit, dia berdoa bersama dengan pemimpin setia untuk mengatasi hal yang tidak mungkin!

### Perkara Untuk Doa:

1. Berdoalah untuk kasih karunia dan doa permohonan untuk mengisi gereja.
2. Berdoalah agar Tuhan akan mendirikan lebih banyak lagi gedung doa 24/7 dan Mezbah doa keluarga.
3. Berdoalah bagi banyak lagi pendoa syafaat dilatihkan, diperlengkapi dan diurapi untuk melakukan peperangan rohani secara efektif.



## Panggilan Utama Kita Adalah Berdoa Untuk Semua Manusia

(1 Tim. 2:1)

Panggilan pertama kita ialah menjadi pendoa. Doa pertama kita adalah untuk “semua orang.” Tindakan pertama kita pada setiap hari ialah untuk berdoa. Hal kedua yang perlu kita lakukan adalah berdoa. Dan tanggung jawab sebagai seorang Kristian yang ketiga adalah berdoa.

### Perkara Untuk Doa:

1. Berdoalah agar setiap Kristian akan merasakan dorongan Roh Kudus untuk mengambil peranan mereka sebagai imam.
2. Semoga Roh Kudus mengajar setiap Kristian bagaimana membuat doa permohonan, bertumbuh dalam doa dan doa syafaat, sehingga mereka tidak akan masuk ke dalam ‘kekakuan’ dalam doa.
3. Kita sebagai Tubuh Kristus akan setia untuk berdoa bagi semua orang, tak kira umur, bangsa dan kedudukan.



## Sebuah Bangsa Ditransformasikan Melalui Doa

(Amsal 21:1)

Hati raja ada di telapak tangan-Nya. Dimana manusia tidak bisa mencapai dan mengubah sikap dan pikiran rakyat, Tuhan bisa. Tuhan dapat “menyusun ulang” rencana dan tindakan orang-orang penting.

### Perkara Untuk Doa:

1. Doalah agar Gereja akan “melihat” kuasa doa yang dapat mengubah setiap proses pemikiran setiap penguasa, dan tindakan yang akan berkesan terhadap negara.
2. Doalah agar pendeta dan pemimpin akan mengerti maksud Tuhan untuk ‘menanam’ mereka di wilayah mereka, Yesaya 61: 3
3. Doalah agar semua Kristian akan mengambil “posisi” mereka dan berlutut di ‘tembok’ bagi mereka yang berautoritas.



## Tuhan Telah Meletakkan Umat-Nya Di Tempat Yang Tinggi

(Daniel 1:3-4)

Nabi Elia berpikir bahwa dialah satu-satunya yang melayani tujuan Tuhan. Tetapi Tuhan mengatakan kepadanya bahwa Dia memiliki 7.000 nabi yang tidak rusak (1 Raja-raja 19:18). Tuhan dalam pemeliharaan ilahi-Nya telah memposisikan orang-orang benar-Nya yang akan berbalik dan menyelamatkan negara.

### Perkara Untuk Doa:

1. Berdoalah untuk orang-orang yang mahir dalam hal kewangan dan yang ‘tajam’ untuk dipekerjakan agar mereka dapat mengelola negara kita dari krisis kewangan yang melingkungkan ekonomi negara.
2. Berdoalah agar orang-orang yang berkaliber dan bermoral tinggi akan dibawa untuk melayani negara, supaya mereka akan mengembalikan keyakinan, dan pelaburan asing akan mulai masuk ke dalam negara kita.
3. Berdoalah agar kerajaan kita akan mengambil langkah positif untuk menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan.



## Transformasi Bermula Dari Dalaman

(1 Tim. 4:5)

Tuhan mengubah kehidupan kita. Dan Dia bertindak atas kata-kata doa kita. Jika kita mengambil serius Firman Tuhan, Tuhan akan mengambil serius kata-kata kita, semasa kita berdoa.

### Perkara Untuk Doa:

1. Doalah agar semasa kita meluangkan masa dengan Tuhan Bapa, hati dan minda kita akan selaras dengan tujuan Tuhan untuk hidup kita.
2. Doalah agar Gereja akan memahami dan selaras dengan tujuan penebusan Tuhan untuk kewujudan mereka dalam komuniti mereka.
3. Doalah agar kita semua akan menyentuh orang-orang di kalangan pengaruh kita dan komuniti di mana gereja-gereja kita berada.





## Doa Syafaat Zaman Akhir

(1 Pet. 4:7)

“Kesudahan sudah dekat. “Orang Kristian harus berdoa dengan segala kesungguhan. Dan ketahuilah zaman dan musim seperti kaum Isakhar.

### Perkara Untuk Doa:

1. Doalah agar orang percaya akan berdoa dalam cahaya keabadian dan mengenali zaman dan musim-musim di mana kita hidup.
2. Doalah agar pendeta- pendeta Gereja akan serius pada hal kebaktian doa kerana “kesudahan segala sesuatu sudah dekat.”
3. Doalah agar setiap orang percaya akan menjadi pendoa syafaat, berjaga-jaga dalam doa kerana Tuhan akan kembali “tidak lama lagi.”



## Pelayan Doa Syafaat, Di Mana Syurga Dan Bumi Menjadi Satu

(Wah. 8:3)

Yesus adalah Imam Besar Agung yang hidup untuk berdoa syafaat bagi kita buat selamanya. Yesus Imam Besar Agung menawarkan doa orang-orang kudus di hadapan Bapa. Oleh itu, kita mempunyai keyakinan bahawa doa kita akan dijawab-Nya, 1 Yohanes 5: 14-15.

### Perkara Untuk Doa:

1. Berdoalah agar pengurapan Roh Kudus akan mengurapi setiap pendoa bahwa ketika mereka berdoa Kehadiran Tuhan akan menembusi seluruh suasana.
2. Berdoalah agar jemaat-jemaat akan menjadi sedar akan kekudusan Tuhan setiap kali mereka berkumpul dalam ibadah dan doa.
3. Berdoalah agar kuasa Tuhan akan menggoncangkan Negara kita sambil Dia menunjukkan Kehadirannya di tengah-tengah umatNya.



## Doa Kita Membawa Rencana Tuhan untuk Bangsa-Bangsa

(Wah. 8:5)

Rancangan abadi Tuhan untuk setiap negara ini dijalankan di bumi seperti di syurga, ketika orang percaya berdoa. Kita perlu serius dalam doa kita; doa berterusan kita akan ada pertemuan dengan Imam Besar Agung. Ia membawa tujuan dan rancangan Tuhan untuk setiap negara.

### Perkara Untuk Doa:

1. Berdoalah untuk “memperkenalkan” orang-orang yang saleh yang akan mengarahkan negara kita untuk mengasihi rahmat dan keadilan.
2. Berdoalah bagi mereka yang menguruskan sistem pendidikan kita - penekanan pada pembelajaran yang menghasilkan anak-anak dan remaja yang akan menyumbang kepada keharmonian negara, kehidupan moral, dan saling menghormati.
3. Berdoalah bahawa graduan-graduan kita akan bersedia untuk mengendali negara kita ke tahap pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perniagaan, teknologi, dan supaya mereka akan serba boleh dan dapat bertindak balas terhadap pertumbuhan pesat yang sedang berlaku di seluruh dunia.